



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERANAN SEKOLAH DALAM PEMBENTUKAN PERPADUAN ANTARA ETNIK DALAM KALANGAN PELAJAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NUR AYUNI NUSAIBAH BT HUSIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERANAN SEKOLAH DALAM PEMBENTUKAN PERPADUAN ANTARA ETNIK DALAM KALANGAN PELAJAR

NUR AYUNI NUSAIBAH BINTI HUSIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 12. (hari bulan) **NOVEMBER**. (bulan) 2019.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **NUR AYUNI NUSAIBAH BINTI HUSIN, M20152001123 DAN FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PERANAN SEKOLAH DALAM PEMBENTUKAN PERPADUAN ANTARA ETNIK DALAM KALANGAN PELAJAR**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR DR. AMIR HASAN BIN DAWI** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PERANAN SEKOLAH DALAM PEMBENTUKAN PERPADUAN ANTARA ETNIK DALAM KALANGAN PELAJAR**

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)** (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

PERANAN SEKOLAH DALAM PEMBENTUKAN PERPADUAN
ANTARA ETNIK DALAM KALANGAN PELAJAR

No. Matrik / Matric's No.:

M20152001123

Saya / I :

NUR AYUNI NUSAIBAH BINTI HUSIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izinNya saya dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Prof Dr. Amir Hasan Dawi yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Keprihatinan dan pandangan berguna yang dihulurkan oleh beliau telah membantu saya menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Saya begitu menghargai kesabaran yang ditunjukkan oleh beliau sepanjang menjalankan tugas sebagai penyelia. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pentadbir, guru dan murid sekolah menengah kerana sudi bekerjasama dan memberikan maklumat penting yang diperlukan. Terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Penyelidikan Putrajaya kerana telah memberikan kebenaran dan sokongan kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah yang dipilih. Tidak dilupakan juga rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar serta menyalurkan maklumat penting berkaitan penyelidikan ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada kedua ibu bapa tercinta serta seluruh ahli keluarga yang telah banyak memberikan inspirasi dan menjadi pembakar semangat kepada saya untuk menyempurnakan kajian ini dengan sebaik-baiknya.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneliti peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan antara etnik dalam kalangan pelajar. Objektif kajian ini merangkumi tiga perkara iaitu mengenal pasti fungsi sekolah, meneroka langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam membentuk perpaduan antara etnik. Kajian ini menggunakan dua teori sosiologi iaitu Teori Fungsionalisme dan Teori Pilihan Rasional. Kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes digunakan dalam kajian ini. Teknik pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Seramai 22 orang peserta yang terdiri daripada seorang pentadbir, tiga orang guru serta lima orang pelajar Melayu, sembilan orang pelajar Cina, tiga orang pelajar India dan seorang pelajar campuran Cina dan India ditemu bual dalam kajian ini. Data dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sekolah memainkan peranan yang penting dalam membentuk perpaduan antara etnik melalui sambutan perayaan, hari sukan, perkhemahan dan sebagainya. Namun begitu, terdapat juga kekangan yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam membentuk perpaduan iaitu masalah dari segi penggunaan bahasa dan kekurangan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dijalankan. Antara usaha yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah terbabit ialah melalui penggunaan akhbar, minggu bahasa, pengucapan awam dan sebagainya. Secara keseluruhannya, sekolah berperanan sebagai agen sosialisasi dalam membentuk perpaduan antara etnik dan menyediakan persekitaran yang baik untuk pelajar berinteraksi dengan pelbagai etnik. Hasil kajian menunjukkan bahasa dan pergaulan sosial merupakan aspek utama pembentukan perpaduan kaum. Program-program yang mampu meningkatkan interaksi antara kaum diharapkan dapat diperbanyakkan bagi membentuk suasana yang harmoni. Implikasi kajian ini dapat membantu guru dan pelajar dalam meningkatkan lagi hubungan sosial antara etnik di sekolah.





THE ROLE OF THE SCHOOL IN THE FORMATION OF ETHNIC UNITY AMONG STUDENTS

ABSTRACT

This study aimed to identify the role of the school in the formation of ethnic unity among students. The objectives of this study included three aspects; to examine the school role, to explore the measures implemented by the school and to examine the problems faced by the school in forming ethnic unity. This study used two sociological theories; theory of functionalism and rational choice theory. This study employed the qualitative method which utilised the case study technique. The data collection was conducted through observation, document analysis and interview. A total of 22 participants consisting of an administrator, three teachers, five Malay students, nine Chinese students, three Indian students and a mixed Indian-Chinese student took part in the study. The data were semantically analysed. The findings showed that schools played a vital role in forming unity between the ethnic groups through activities such as celebrations of festivals, sports days, camping and others. However, there were also constraints faced by the school in forming unity such as problems in language use and a lack of student involvement in the activities which were held. Some of the activities carried out to overcome the problem were newspaper activities, language week, public speaking and so forth. Overall, the school served as a socialization agent in forming racial unity and provided a good environment for students to interact with other students from various ethnic groups. The results showed that language and social were key aspects of the formation of racial unity. Programmes which were capable of enhancing racial interaction should be promoted to create a harmonious environment. The results of this study would help teachers and students in enhancing the social ethnic relations between schools.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Penyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	15
1.5	Persoalan Kajian	16
1.6	Kerangka Konsep Kajian	16
1.7	Definisi Konsep Kajian	23
1.7.1	Pendidikan	24
1.7.2	Perpaduan	27
1.7.3	Etnik	30
1.7.4	Sekolah	33
1.8	Kepentingan Kajian	36
1.9	Penutup	39



**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	41
2.2	Isu-isu Perpaduan di Malaysia	42
2.3	Isu-isu Perpaduan di Sekolah	51
2.4	Isu-isu Perpaduan di Luar Negara	59
2.5	Peranan Sekolah Dalam Memupuk Perpaduan	63
2.5.1	Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar	66
2.5.2	Penyeragaman kurikulum	68
2.5.3	Pengajaran dan Pembelajaran	72
2.5.4	Gotong-royong	72
2.5.5	Sambutan perayaan	73
2.5.6	Kokurikulum	75
2.5.7	Rukun Negara	77
2.5.8	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)	78
2.6	Analisis Dokumen	81
2.7	Teori Sosiologi Berhubung Kajian Ini	87
2.7.1	Teori Fungsionalisme	88
2.7.2	Teori Pilihan Rasional	92
2.8	Kajian Lepas	95
2.9	Rumusan	105

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	107
3.2	Reka Bentuk Kajian	110
3.2.1	Reka Bentuk Kajian Kes	111
3.2.2	Jenis-jenis Kajian Kes	117
3.3	Pemilihan Tempat Kajian	122
3.4	Populasi dan Persampelan	123
3.4.1	Populasi	123
3.4.2	Persampelan	124
3.5	Pengumpulan Data	127
3.5.1	Temubual	128





3.5.2	Pemerhatian	131
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	133
3.6.1	Etika Kajian	133
3.6.2	Analisis Data	134
3.6.3	Prosedur Pengesahan Data	137
3.6.4	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	138
3.7	Rumusan	140

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan Bab	141
4.2	Latar Belakang Responden	143
4.2.1	Latar Belakang Responden 1	144
4.2.2	Latar Belakang Responden 2	145
4.2.3	Latar Belakang Responden 3	146
4.2.4	Latar Belakang Responden 4	147
4.2.5	Latar Belakang Responden 5	148
4.2.6	Latar Belakang Responden 6	149
4.2.7	Latar Belakang Responden 7	149
4.2.8	Latar Belakang Responden 8	150
4.2.9	Latar Belakang Responden 9	150
4.2.10	Latar Belakang Responden 10	151
4.2.11	Latar Belakang Responden 11	151
4.2.12	Latar Belakang Responden 12	152
4.2.13	Latar Belakang Responden 13	152
4.2.14	Latar Belakang Responden 14	153
4.2.15	Latar Belakang Responden 15	153
4.2.16	Latar Belakang Responden 16	154
4.2.17	Latar Belakang Responden 17	154
4.2.18	Latar Belakang Responden 18	155
4.2.19	Latar Belakang Responden 19	155
4.2.20	Latar Belakang Responden 20	156
4.2.21	Latar Belakang Responden 21	157
4.2.22	Latar Belakang Responden 22	157





4.3	Latar Belakang Sekolah	158
4.4	Dapatan Pemerhatian	161
4.4.1	Pemerhatian Persekutaran Fizikal	161
4.4.2	Pemerhatian Sosial	164
4.5	Peranan Sekolah dalam Membentuk Perpaduan Pelajar	165
4.5.1	Sambutan Perayaan	167
4.5.2	Hari Sukan	173
4.5.3	Perkhemahan	179
4.5.4	Kawad Kaki	186
4.5.5	Aktiviti Gotong-royong	190
4.5.6	Sambutan Kemerdekaan	194
4.5.7	Sambutan Majlis Hari Guru	199
4.5.8	Program Mentor-Mentee	201
4.5.9	Kelas Peralihan	203
4.5.10	Majlis Anugerah Cemerlang	208
4.6	Masalah yang Dihadapi oleh Pihak Sekolah dalam Mewujudkan Perpaduan Pelajar	209
4.6.1	Penggunaan Bahasa	209
4.6.2	Kekurangan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti yang Dijalankan	215
4.7	Langkah-langkah Menyelesaikan Masalah	219
4.7.1	Penggunaan Akhbar	219
4.7.2	Minggu Bahasa	221
4.7.3	Pengucapan Awam	224
4.7.4	Pertandingan Lagu Patriotik Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan	225
4.7.5	Penggunaan Audio Sistem di Kantin Sekolah	226
4.7.6	Mengetatkan Peraturan Sekolah	228
4.7.7	Mendapatkan Penaja atau Sponsor	229
4.7.8	Pengamalan Bahasa Melayu dalam Kehidupan Seharian	231
4.8	Kesimpulan	233



**BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	235
5.2	Rumusan kajian	236
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	241
5.3.1	Perbincangan Mengenai Peranan Sekolah Dalam Membentuk Perpaduan Pelajar	241
5.3.1.1	Sambutan Perayaan	241
5.3.1.2	Sukan	243
5.3.1.3	Perkhemahan	245
5.3.1.4	Kawad Kaki	246
5.3.1.5	Gotong-royong	246
5.3.1.6	Sambutan Hari Kemerdekaan	247
5.3.1.7	Sambutan Majlis Hari Guru	248
5.3.1.8	Program Mentor-Mentee	249
5.3.1.9	Kelas Peralihan	250
5.3.1.10	Majlis Anugerah Cemerlang	251
5.4	Perbincangan Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Oleh Pihak Sekolah Dalam Memupuk Perpaduan Pelajar	251
5.5	Perbincangan Langkah-langkah yang Dilaksanakan oleh Pihak Sekolah dalam Memupuk Perpaduan Pelajar	253
5.6	Implikasi Teori	
5.6.1	Teori Fungsionalisme	255
5.6.2	Teori Pilihan Rasional	256
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	259
5.8	Kesimpulan Keseluruhan Kajian	260
	Rujukan	263





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xii

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
------------	------------

1.1 Latar Belakang Responden	143
------------------------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.0 Kerangka Konsep Kajian

16



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

AJK	Ahli Jawawakuasa
APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
CCTV	<i>Close Circuit Television/ Televisyen Litar Tertutup</i>
DAP	<i>Democratic Action Party/ Parti Tindakan Demokratik</i>
IPTA	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KEKKWA	Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KHE	kursus Hubungan Etnik
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KRS	Kadet Remaja Sekolah
LCD	<i>Liquid Crystal Display</i>
LINUS	<i>Literacy & Numeracy Screening</i>
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MIC	Malaysia Indian Congress
MTUN	Malaysia Technical University Network/ Universiti Teknikal Malaysia
PBSM	Persatuan Bulan Sabit Merah
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RIMUP	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan





RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
UMP	Universiti Malaysia Pahang
UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UTEM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UTHM	Universiti Teknologi Tun Hussin Onn
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKTD	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Desa
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SUK	Setiausaha Kerajaan Negeri
TDRA	Taman Desa Residents Association
YDP	Yang Dipertua
1M1S	1Murid 1Sukan
3P	Patriotisme, Perpaduan, Pembangunan





SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian
- C Borang Pengesahan Status Disertasi / Tesis
- D Contoh Halaman Penghargaan
- E Contoh Halaman Abstrak
- F Contoh Halaman *Abstract*
- G Contoh Halaman Kandungan
- H Contoh Halaman Senarai Jadual
- I Contoh Halaman Senarai Rajah
- J Contoh Halaman Senarai Singkatan





BAB 1

PENDAHULUAN



Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, agama dan bangsa. Ahmad Zaharuddin (2014) menjelaskan bahawa kepelbagaiannya ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik di mata dunia. Terdapat tiga kaum yang utama iaitu kaum Melayu, Cina dan India yang terdapat di Semenanjung Malaysia serta etnik-ethnik lain yang terdapat di Sabah dan Sarawak seperti kaum Iban, Bidayuh, Kadazan, Bajau dan banyak lagi. Setiap tahun rakyat Malaysia akan menyambut hari kemerdekaan disertakan dengan sambutan yang begitu meriah serta disediakan dengan tema yang berbeza-beza pada setiap tahun. Jika diamati, slogan atau tema kemerdekaan tersebut sebenarnya menjurus kepada perpaduan masyarakat di





Malaysia. Hal ini membuktikan bahawa negara amat mementingkan perpaduan dalam kalangan masyarakatnya. Semenjak negara mencapai kemerdekaan hingga kini, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha agar perpaduan negara dapat dicapai sepenuhnya.

Menurut Abdul Rahman et. al (2014), Tun Razak telah menggariskan beberapa langkah yang taktikal bagi mengukuhkan perpaduan agar masalah rusuhan kaum seperti Peristiwa 13 Mei 1969 tidak berulang kembali. Antara perkara yang diberi penekanan ialah penumpuan terhadap institusi pendidikan negara. Hal ini demikian kerana pendidikan mampu menjadi saluran terbaik dalam menyemai kesedaran dan mengasuh rakyat berkaitan dengan negara, nilai dan bangsa. Memetik ucapan Tun Abdul Razak di Persidangan Tahunan Perwakilan Umno 23 Januari 1971,

menyebutkan bahawa “cara yang paling baik untuk menyemai semangat perpaduan dan muhibah ialah melalui pelajaran dan pendidikan. Sekolah-sekolah di negara kita ini hendaklah dijadikan sebagai ladang-ladang di mana benih perpaduan dan muhibah di antara kaum mula ditanam” (Tun Abdul Razak, 1971).

Zaid Ahmad et. al (2006) menegaskan bahawa sistem pendidikan merupakan satu kaedah terbaik dalam mengekalkan perpaduan kaum. Pemupukan semangat toleransi dan muhibah sesama kaum adalah sangat penting khususnya bagi persekitaran persekolahan. Setiap mata pelajaran yang digunakan di sekolah juga harus lebih memfokuskan kepada ciri-ciri yang bersifat harmonis. Pada masa yang





sama juga, kurikulum di sekolah perlu dititikberatkan agar moral dan keperibadian pelajar-pelajar dapat diperkuhkuhkan dari semasa ke semasa.

Sekolah ialah salah satu tempat pengintegrasian pelajar khasnya pelajar berlainan etnik dan budaya. Amir Hasan Dawi & Ikhsan Othman (2011) turut menegaskan bahawa sekolah bukan sahaja berfungsi sebagai pusat menimba ilmu pengetahuan, malah berfungsi sebagai senjata untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan pelajar. Di Malaysia, terdapat banyak sekolah yang terdiri daripada pelajar berbilang kaum. Habib Mat Som (dalam Kamaruddin, 2014) berpendapat bahawa sekolah merupakan medium penting untuk mengubah minda rakyat dan membentuk sikap yang baik berdasarkan kepada nilai-nilai murni seperti berakhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab dan mampu memberikan sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara seiring dengan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara. Melalui sistem persekolahan para pelajar mula belajar dan mengetahui serba sedikit tentang agama, adat resam dan budaya rakan-rakan yang berlainan kaum. Hal ini telah berjaya mewujudkan jalinan persahabatan yang begitu erat antara satu sama lain tanpa perasaan prejudis dan syak wasangka antara satu sama lain.

Bagi melahirkan para pelajar yang bertoleransi, pihak kerajaan telah menubuhkan sekolah wawasan dengan penggabungan tiga buah sekolah rendah yang terdiri daripada SRK, SRJK (C) dan SRKJ (T) yang berada di bawah satu kawasan yang sama. Menurut Rosni (2014), Sekolah Wawasan dapat mewujudkan





persefahaman antara kaum sekali gus mempercepatkan lagi proses integrasi nasional. Hal ini dapat menggalakkan pergaulan dan perhubungan yang erat melalui aktiviti yang dilakukan secara bersama. Perpaduan juga mampu diterapkan dalam diri pelajar melalui pelaksanaan aktiviti kokurikulum seperti kelab, persatuan dan sukan haruslah dipergiatkan pelaksanaannya dari semasa ke semasa.

Kesimpulannya, setiap lapisan masyarakat harus menyahut seruan kerajaan dengan sepenuh hati agar perpaduan kaum dapat direalisasikan dengan jayanya. Semua pihak haruslah bekerjasama untuk meningkatkan nilai-nilai perpaduan serta menyemai perasaan cintakan negara. Maka, keharmonian dan keamanan negara dapat dinikmati secara bersama tanpa sebarang prejedis dan perasaan negatif antara satu sama lain



1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan telah dijadikan sebagai salah satu senjata penting oleh kerajaan dalam mencapai integrasi dan perpaduan kaum di negara ini. Di Malaysia, pendidikan berfungsi sebagai sebuah sistem sosial yang berperanan besar dalam meningkatkan kemajuan dan perkembangan negara.

Menurut Atan Long (1984), pendidikan merujuk kepada pembentukan sesebuah proses kemasyarakatan. Menerusi pendidikan, sesebuah negara mampu





bangkit daripada kemunduran ke arah yang lebih baik sama ada dari segi ekonomi, politik, budaya, sosial dan sebagainya. Pendidikan di Malaysia adalah berlatar belakangkan sejarah silam yang agak unik untuk diketengahkan. Berdasarkan kepada peristiwa sejarah dan proses perubahan yang telah berlaku dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan budaya pada suatu ketika dahulu, akhirnya telah membawa kepada proses perubahan dalam pembentukan dasar dan sistem pendidikan negara. Berdasarkan kepada rentetan sejarah, sistem pendidikan di Malaysia terbahagi kepada tiga peringkat utama iaitu sebelum kedatangan British, semasa kedatangan British dan selepas merdeka.

Sebelum negara mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan di negara kita adalah lebih bercorak keagamaan yang berasaskan kepada penubuhan sekolah pondok atau madrasah. Gurnam Kaur Sindhu et. al (2005) menjelaskan bahawa pada tahun 1920-an sehingga 1940-an, pendidikan sekolah pondok telah berkembang dengan pesat sekali dan menjadi tumpuan masyarakat setempat. Pada zaman penjajahan pula, penubuhan sekolah adalah berdasarkan kepada kaum masing-masing yang mengamalkan kurikulum yang berlainan serta kawasan sekolah yang agak terpisah. Menurut Haris (1990), pada zaman ini isu pendidikan tidak pernah dititikberatkan dan tidak termasuk dalam sebahagian dasar penjajah. Dasar pendidikan yang ditinggalkan oleh penjajah bukan sahaja bercorak diskriminasi malahan berbaur perkauman. Sistem pendidikan pelbagai aliran seperti sekolah Inggeris, sekolah pondok, sekolah Cina dan Tamil telah menjadi tembok pemisah kepada perpaduan rakyat.





Selepas mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan negara telah diperkemaskan bermula dengan pengenalan Laporan Barnes (1950), diikuti dengan Laporan Fenn-Yu (1951) serta Ordinan Pelajaran pada tahun 1952. Gurnam Kaur Sindhu et. al (2005) turut menjelaskan bahawa Ordinan Pelajaran (1952) adalah diperkenalkan untuk menghapuskan sekolah vernakular bagi membentuk satu sistem sekolah di bawah pemerintahan yang sama. Namun hal ini tidak kesampaian akibat daripada krisis kewangan yang dialami oleh negara pada ketika itu. Setelah negara mencapai kemerdekaan, pelbagai dasar pendidikan telah diperkenalkan. Ahmad Ali (2013) bersetuju bahawa pengenalan dasar-dasar ini adalah berfokuskan kepada pengisian pendidikan kepada rakyat serta menjadi wadah penyatupaduan dan pengintegrasian kaum di negara ini. Walaupun dasar-dasar sering mengalami perubahan, namun ia tidak lari daripada misi sebenar iaitu membangunkan negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum. Antara kejayaan yang telah dicapai ialah menjadikan Bahasa Melayu sebagai sebuah bahasa pengantar yang utama, mewujudkan sekolah untuk pelbagai kaum dan menyatupadukan kaum melalui pelaksanaan aktiviti kokurikulum.

Walaupun terdapat banyak hasil kejayaan yang begitu memberangsangkan dalam bidang pendidikan, namun matlamat sebenar pihak kerajaan dalam menyatupadukan kaum berlandaskan pendidikan masih belum tercapai sepenuhnya. Hal ini demikian kerana setiap pelaksanaan dasar yang dilakukan pastinya akan ditentang oleh sesetengah pihak yang tidak tahu menilai dasar tersebut dari segi politik. Pihak-pihak terbabit sering sahaja berandaian dan berprasangka buruk





sebelum membuat sebarang penilaian dengan terperinci mengenai sesuatu pengenalan dasar. Mereka ini sering sahaja lebih mementingkan kepentingan kaum semata-mata berbanding kepentingan nasional. Berhubung dengan perkara tersebut, pihak Kementerian Pendidikan khasnya mestilah berusaha untuk mendapatkan maklumat dan pendapat daripada masyarakat terlebih dahulu sebelum membuat sebarang pengumuman mengenai rancangan alternatif tersebut dengan mengemukakan bukti-bukti yang lengkap serta memberikan masa yang secukupnya agar masyarakat dapat menilai sendiri kebaikan dan keburukan pelaksanaan sesuatu dasar.

Dapatlah dirumuskan bahawa sistem persekolahan dan pendidikan di Malaysia memainkan peranan yang begitu besar dalam mewujudkan semangat patriotik sebagai asas perpaduan, penyatuan serta pembinaan bangsa dan negara. Pengisian nilai dan jati diti dalam kalangan masyarakat amat penting agar setiap kaum mampu memberikan kesetiaan sepenuhnya kepada negara.

1.3 Pernyataan Masalah

Negara kita telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 60 tahun. Namun demikian, corak pemikiran dalam kalangan masyarakat masih berada di takuk lama dan tidak berubah sepenuhnya. Oleh itu, pembinaan negara bangsa sangat penting dalam membina perpaduan masyarakat Malaysia. Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2003) menjelaskan bahawa negara, individu dan bangsa merupakan antara komponen





negara bangsa. Antara perkara yang menjadi syarat pembentukan sesebuah negara bangsa ialah sesebuah masyarakat itu tidak boleh dibezakan atas sebab perkauman, pendidikan, kepercayaan, agama, bahasa, jenis pekerjaan, kebudayaan, penempatan atau lain-lain hal yang boleh membawa kepada sebarang bentuk perpecahan.

Menurut Mohamad Saleeh Rahamad (2014), perpaduan merupakan salah satu isu yang sering diberikan perhatian di dalam sesebuah negara. Di Malaysia, masalah perpaduan masih lagi menjadi fokus perbincangan utama yang bermula pada zaman sebelum negara mencapai kemerdekaan hingga ke hari ini. Hal ini demikian kerana perpaduan merupakan salah satu cabaran terbesar yang sedang dihadapi oleh negara. Menurut Nik Azis Nik Pa & Noraini Idris (2008), isu perpaduan antara masalah utama dari sembilan cabaran negara dalam mencapai matlamat yang terkandung dalam wawasan 2020. Proses pembentukan perpaduan di Malaysia dilihat agak sukar dicapai disebabkan oleh beberapa faktor dalaman dan luaran.

Menurut Mohd Ridhuan Tee (dalam Kamaruddin, 2014), melalui kajiannya menunjukkan hasil yang negatif dalam pembentukan integrasi kaum. Menurutnya lagi, masyarakat Malaysia dilihat bersifat perkauman disebabkan oleh latar belakang yang berbeza dari segi pendidikan, politik, sejarah, media dan sebagainya. Kajian ini memperlihatkan kepada kita bahawa integrasi kaum di Malaysia sukar dicapai disebabkan oleh unsur perkauman yang masih menebal di sanubari setiap kaum. Loh Koh Wah dan Khoo Boo Teik (2002) berpendapat bahawa pembentukan kaum sukar dilaksanakan kerana masih lagi tiada kesepakatan dan jati diri dalam diri setiap kaum.





Banyak kajian-kajian yang membuktikan bahawa masalah perpaduan masih lagi menjadi persoalan dalam kalangan masyarakat. Melalui kajian yang dilakukan oleh Suzana Sulaiman (2013) yang mengkaji tentang perpaduan pelajar pelbagai etnik di Universiti Malaysia Perlis, menunjukkan bahawa tahap perhubungan etnik dalam kalangan pelajar dari segi kehidupan harian masih lagi berada di tahap sederhana. Begitu juga dengan kajian mengenai tahap perpaduan pelajar menerusi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) yang dilakukan oleh Abdul Rahim dan Siti Norashikin (2009) juga mendapatkan bahawa analisis ke atas kesemua persoalan kajian adalah berada di tahap sederhana sahaja.

Seterusnya, Chew Fong Peng (2009) mengkaji tentang pendidikan sastera perpaduan menerusi KOMSAS tingkatan 4 yang bertujuan untuk melakukan penilaian dalam pelaksanaan pendidikan sastera perpaduan dan kesannya. Hasil kajian membuktikan bahawa buku teks KOMSAS langsung tidak menggambarkan realiti masyarakat yang berbilang kaum di negara kita. Di samping itu, guru-guru bahasa juga kurang memberikan penekanan berkaitan elemen perpaduan kaum sama ada dalam kelas ataupun di luar kelas. Begitu juga dengan para pelajar yang kurang meminati pembelajaran KOMSAS yang dipercayai hanya berpusatkan kepada orang Melayu. Hasil kajian juga mendapatkan bahawa pelajar-pelajar tidak bergaul dengan pelajar kaum lain. Menerusi kajian yang dilakukan oleh Hussien Ahmad & Haneza Ab. Hamid (2015) pula yang mengkaji tentang pengurusan pembangunan konsep perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah menengah memperlihatkan bahawa





inisiatif dan peranan daripada pihak sekolah masih tidak mencukupi dalam memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar.

Teo Kok Seong (2014) menyatakan bahawa pendidikan merupakan antara faktor yang menghalang hubungan baik di negara ini. Masalah perpaduan kaum bermula di peringkat sekolah yang menunjukkan hubungan yang regang antara pelajar berbilang kaum. Sistem pendidikan di Malaysia juga masih lagi gagal untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum.

Menurut Aziz Ujang (2014), semangat jati diri dalam diri seseorang dipengaruhi oleh persekitaran yang berunsurkan semangat perpaduan, sejarah, sosio budaya, ketamadunan dan sistem pentadbiran. Unsur-unsur tersebut mampu melahirkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat dan meningkatkan pembangunan negara. Namun begitu, hasil kajian mendapati bahawa pelaksanaan pengurusan di sekolah dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan pelajar kurang berkesan. Hal ini menunjukkan bahawa peranan yang dimainkan oleh pihak sekolah tidak meninggalkan kesan positif terhadap pelajar.

Hussein dan Haneza (2015) berpendapat bahawa sekiranya matlamat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan pelajar tidak diberikan penekanan yang sewajarnya oleh pihak sekolah, maka nilai-nilai dan semangat perpaduan dalam kalangan pelajar akan terus berada pada tahap yang kurang memuaskan.





Menurut Anuar (2001), dapatan kajian terhadap beberapa buah sekolah mendapati bahawa sebanyak 76% guru Sejarah di sekolah masih lagi tidak bersedia untuk menerapkan unsur patriotisme dalam proses pengajaran mereka walaupun mereka menyedari akan kepentingan unsur tersebut. Hal ini kerana mereka lebih memilih untuk memupuk nilai-nilai murni yang dianggap mudah untuk diaplikasikan berbanding unsur patriotism.

Kajian yang dilakukan oleh Haminah Suhaibo (2010) menunjukkan bahawa kekangan yang dihadapi oleh guru dalam memupuk sikap patriotisme dalam kalangan pelajar adalah berpunca daripada kelemahan komunikasi antara pihak kementerian dengan pihak sekolah. Hal ini merujuk kepada perubahan yang dilakukan dalam bentuk kurikulum agak lambat diterima. Kemungkinan masalah ini bermula dari



Najeemah Mohd Yusof (2011) turut menegahkan kajian beliau mengenai sejauhmana tahap interaksi sosial antara murid pelbagai etnik di sekolah menengah. Kaedah pengumpulan data kajian adalah berdasarkan kepada temubual dan soal selidik. Hasil kajian beliau membuktikan bahawa bahasa komunikasi iaitu bahasa Melayu menjadi sebab utama yang menghalang kepada interaksi dalam kalangan pelajar berbilang kaum. Sementara itu, faktor sempadan etnik dari sekolah rendah monoetnik adalah tebal dan mempengaruhi hubungan antara pelajar berlainan kaum di sekolah.





Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Helen Tinga et al. (2010) yang mengkaji tentang sikap dan amalan pelajar di empat buah SMK yang merangkumi etnik yang berbeza dari segi budaya, agama dan kepentingan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Berdasarkan kepada kaedah soal seilidik dan temubual yang dilaksanakan dalam pengumpulan data menunjukkan bahawa P&P di sekolah adalah kurang membantu dalam memahami pelajar yang berbez kaum.

Kajian lain yang dilakukan oleh Yasmin Ahmad dan Najeemah M. Yusof (2013) mengkaji tentang kepentingan persekitaran (monoetnik/multietnik) terhadap hubungan pelajar di 12 buah sekolah rendah. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa pentadbir sekolah dan guru yang terlibat dalam persekitaran sekolah monoetnik menghadapi masalah terutamanya dalam melaksanakan aktiviti untuk



Ahmad Zaharuddin (2012) menyatakan bahawa segala usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan sejak lebih 50 tahun yang lalu seolah-olah masih lagi tidak mengcukupi. Hal ini demikian kerana isu pergaduhan dan ketegangan kaum masih lagi berlaku pada hari ini. Contohnya pergaduhan yang berlaku pada 17 Julai 2006 di cafeteria Universiti Putra Malaysia (UPM) yang membabitkan sekumpulan pelajar Melayu dan Cina. Lain pada itu terdapat juga pergaduhan di sebuah restoran yang membabitkan pelanggan Cina dan pekerja Melayu yang cuba menyentuh isu rasis. Insiden sebegini telah dimuatnaik ke laman YouTube dan menjadi tontonan dunia. Orang ramai turut melemparkan komen-komen yang berbaur rasis dan





menunjukkan kebencian yang mendalam di antara kaum. Keadaan menjadi semakin parah apabila mendapat pengaruh dan campur tangan orang politik yang bukan mahu meredakan keadaan, malah ingin menjadi wira kepada kaum masing-masing.

Lee Lam Thye (2013) menyatakan bahawa sistem pendidikan memainkan peranan penting sebagai agen pemberian perpaduan khasnya dalam kalangan kanak-kanak yang bermula di peringkat sekolah. Menurut Yusfarina & Abdul Rasid (2011), pembentukan negara bangsa akan terjamin dengan adanya penyemaian nilai-nilai perpaduan dan intergrasi yang bermula di peringkat sekolah. Kenyataan ini ternyata mendapat persetujuan daripada banyak pihak dan pihak kerajaan sendiri telah mengubal Falsafah Pendidikan Negara dan Dasar Pendidikan Negara yang diselami dengan semangat perpaduan dalam kalangan pelajar yang berbilang kaum.



Antara dasar kerajaan yang utama ialah menggalakkan rakyat Malaysia untuk menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan (SK) agar dapat melahirkan proses sosialisasi dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang harmoni terutamanya dalam kalangan pelajar yang berbilang kaum. Namun begitu, pihak kerajaan masih lagi mengekalkan sistem persekolahan berdasarkan kaum atau lebih dikenali sebagai sistem persekolahan vernakular. Hal ini terjadi disebabkan oleh desakan daripada kaum Cina dan India yang tidak mahu bahasa dan kebudayaan mereka terhapus sehingga berlakunya perbalahan dalam politik. Menurut Mohamad Rodzi (2009), perbalahan tersebut mula tercetus akibat daripada Laporan Razak 1956 yang mencadangkan agar sistem pendidikan seragam dilaksanakan di Malaysia.





Perkara yang menjadi penghalang utama ke arah pengintegrasian kaum dan pembentukan identiti nasional adalah berpunca daripada penggunaan bahasa ibunda masing-masing di sekolah yang berbeza. Jika dipandang daripada sudut yang lain pula, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dikekalkan atas dasar semangat muhibah demi menjaga identiti setiap kaum di negara ini. Ketegangan dan rusuhan kaum antara orang Melayu dan Cina pada suatu ketika dahulu telah mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969. Rentetan daripada peristiwa terbabit sekolah vernakular masih lagi diteruskan seperti biasa akan tetapi pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai agen perpaduan dengan mengiktiraf Bahasa Melayu sebagai bahasa perantara di setiap sekolah.

Begitu juga halnya dengan peristiwa tergempar yang berlaku di Taman Medan



pada tahun 2001 yang mendapat liputan luas di media tempatan dan luar negara. Masyarakat setempat pada ketika itu bimbang sekiranya peristiwa hitam seperti 13 Mei akan berulang kembali. Konflik terjadi antara kaum Melayu yang sedang melaksanakan persediaan majlis perkahwinan, manakala jirannya yang berketurunan India pula sedang mengadakan majlis kematian. Konflik mula timbul akibat daripada salah faham yang diperbesarkan sehingga menjadi isu besar ke kawasan sekitarnya.

Berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku telah menunjukkan bahawa ketegangan kaum boleh meletus pada bila-bila masa sahaja walaupun banyak program dan usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam memupuk keharmonian kaum. Masalah perpaduan dikatakan terjadi bermula diperingkat akar umbi iaitu di





peringkat sekolah. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk melihat kebenaran yang menyatakan bahawa masalah perpaduan wujud di peringkat sekolah dengan merungkai persoalan-persoalan tentang peranan sekolah sebagai agen perpaduan, masalah yang menghalang pembentukan perpaduan serta langkah-langkah yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan perpaduan dan integrasi dalam kalangan pelajar. Kajian ini penting untuk meneliti pembentukan perpaduan kaum melalui sistem pendidikan.

1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Mengenal pasti peranan sekolah dalam membentuk perpaduan kaum.
- 1.4.2 Meneroka langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dalam mewujudkan perpaduan kaum dalam kalangan pelajar.
- 1.4.3 Meneliti masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam membentuk perpaduan antara kaum.



1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Bagaimana sekolah berperanan dalam membentuk perpaduan kaum?
- 1.5.2 Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak sekolah dalam mewujudkan perpaduan kaum dalam kalangan pelajar?
- 1.5.3 Apakah masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam membentuk perpaduan antara kaum?

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konseptual bagi kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan pada rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Teori Fungsionalisme dan Teori Pilihan Rasional.



Kerangka konseptual kajian ini adalah berpandukan kepada teori fungsionalisme yang diasaskan oleh Spencer, Comte dan Durkheim (1858-1917) dan teori pilihan rasional yang diusahakan oleh Colleman, Emerson, Cook dan Blau (1864-1920).

Berdasarkan rajah 1.1, kajian ini adalah untuk melihat peranan pendidikan dalam pembentukan perpaduan di sekolah. Amir Hasan Dawi (2006) menyatakan bahawa dalam bidang sosiologi terdapat beberapa teori utama antaranya teori fungsionalisme, teori konflik dan teori interaksionisme. Teori fungsionalisme diasaskan oleh beberapa tokoh seperti Spencer, Comte dan Durkheim (1858-1917). Manakala teori pilihan rasional pula diperkenalkan oleh Colleman (1990), Emerson (1972), Cook (1975) dan Blau (1964). Teori interaksionisme pula merupakan pandangan asal daripada Blumer (1969). Kesemua teori ini telah melalui sebuah proses perkembangan yang luas yang akhirnya menjadi asas kepada pembentukan teori-teori yang lain.

Dalam kajian ini, teori yang digunakan ialah teori fungsionalisme dan teori pilihan rasional. Teori fungsionalisme ini digunakan adalah untuk mengkaji fungsi sesebuah struktur dalam sesebuah organisasi. Menurut Amir Hasan Dawi (2006), teori fungsionalisme lebih menekankan kepada nilai-nilai yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Berdasarkan kepada teori fungsionalisme, pihak sekolah, guru dan pelajar mempunyai peranan masing-masing dalam membentuk perpaduan. Manakala teori pilihan rasional pula dapatlah diertikan sebagai teori tindakan rasional. Oleh itu,





sesuatu tindakan yang diambil boleh diertikan sebagai rasional apabila tindakan tersebut dipengaruhi oleh pilihan dan keyakinan.

Penelitian dilakukan terhadap peranan sekolah terhadap pembentukan perpaduan di sekolah melalui strategi, program dan aktiviti yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Institusi sekolah menjadi fokus utama pengkaji seiring dengan peranan sistem pendidikan yang menjadi tumpuan masyarakat serta pembentukan sebuah Bangsa Malaysia. Andri Rizki Putera (2014) menyatakan bahawa sekolah merupakan tempat tumpuan masyarakat bagi menimba ilmu pengetahuan serta memupuk kemauafakatan anggota Malaysia. Oleh itu, pengkaji ingin membuat penelitian terhadap perjalanan pembentukan perpaduan di sekolah berlandaskan kepada penggunaan teori yang menepati kajian.



Berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang terkandung dalam Teori Fungsionalisme, Andreas Soeroso (2008) berpandangan bahawa teori ini diperkenalkan bagi melihat fungsi-fungsi sesebuah sistem dalam melaksanakan tanggungjawabnya yang mampu memberikan sumbangan yang berterusan kepada masyarakat. Melalui teori fungsionalisme, penekanan diberikan kepada tingkah laku sosial atau pusat-pusat kegiatan yang memberikan sumbangan kepada masyarakat. Amir Hasan Dawi (2006) menggambarkan masyarakat sebagai anggota badan manusia yang lengkap dengan bahagian-bahagiannya yang mempunyai fungsi yang tersendiri. Kajian dijalankan bagi meneliti bagaimana struktur dalam sesebuah masyarakat itu berfungsi. Oleh itu, teori pilihan rasional dipilih bagi memperlihatkan





keberkesanan sesuatu usaha yang dijalankan adalah tertakluk kepada tindakan individu.

Fungsi-fungsi atau peranan struktur dapat dilihat melalui peranan pihak KPM, sekolah, guru dan murid yang menunjukkan bagaimana mereka berfungsi dalam menjayakan sesuatu perkara. Menurut Amir Hasan Dawi (2006), teori fungsionalisme menghuraikan tentang anggota masyarakat dan institusi dalam sesebuah sistem yang saling berkait. Misalnya, para pelajar bergantung pada guru bagi memperoleh ilmu pengetahuan, manakala guru pula bergantung pada kegiatan kurikulum yang memandu para guru dalam proses pengajaran. Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah (2007) menjelaskan bahawa kurikulum tersebut pula dibentuk oleh pihak di Jabatan Kurikulum yang berperanan sebagai enjin dalam memastikan proses pentadbiran dalam masyarakat berjalan lancar. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dan kestabilan dalam negara.

Setiap keputusan dan langkah yang diambil oleh pihak sekolah perlu mendapat persetujuan daripada semua pihak. Persetujuan dan kesepakatan ini akan melahirkan keadilan dan keamanan dalam persekitaran sekolah serta perhubungan yang erat antara murid dan guru dan ibu bapa dengan sekolah. Kesemua pihak yang terlibat secara langsung dalam sistem pendidikan akan saling membantu dan menghormati dalam mencapai kesejahteraan negara khasnya dalam mencapai perpaduan kaum. Pihak Kementerian Pendidikan misalnya akan melakukan pelbagai perubahan serta membentuk dasar-dasar dalam membentuk perpaduan di sekolah. Pihak pengurusan





sekolah yang merangkumi para guru, kakitangan dan pelajar akan melaksanakan sesuatu perkara atau arahan yang telah diputuskan oleh pihak kementerian dalam mewujudkan perpaduan.

Menurut Amir Hasan Dawi (2006), pembentukan struktur-struktur sosial dapat membantu melicinkan perjalanan serta keharmonian dalam kehidupan masyarakat. Berdasarkan kepada teori ini, pendidikan berfungsi dalam mendidik masyarakat melalui norma, peraturan dan nilai yang terkandung dalam masyarakat. Setiap pihak harus memainkan peranan masing-masing untuk mencapai matlamat yang diimpikan. Teori ini juga lebih memfokuskan kepada aspek pemilihan dan latihan. Hal ini membuktikan bahawa kanak-kanak mendapat hak yang sama sebagai penyumbang kepada perkembangan negara. Individu yang mencapai sesuatu kejayaan akan mendapat tempat yang sesuai dalam masyarakat. Durkheim (1956) menyatakan bahawa teori fungsionalisme juga memfokuskan kepada fungsi dan struktur dalam organisasi. Buktinya, kita dapat memerhatikan bagaimana sesebuah struktur dalam sistem persekolahan itu dibentuk dan cara ahli sekolah itu berfungsi.

Menurut Mansor (2000), pendekatan teoretis digunakan untuk meneliti cara manusia membuat pilihan ada secara individu atau kumpulan. Teori Pilihan Rasional juga merupakan salah satu elemen penting yang akan memandu pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Kajian ini dilaksanakan adalah untuk meneliti peranan pihak sekolah dalam membentuk perpaduan di sekolah. Kajian ini dilakukan bagi melihat peranan pihak sekolah dalam membentuk perpaduan dan bentuk-bentuk perpaduan





yang berlaku dalam proses pembentukan perpaduan berasaskan kepada teori pilihan rasional. Kajian ini juga berusaha dalam mengenal pasti usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui KPM dalam mengukuhkan perpaduan yang bersandarkan sistem pendidikan serta melihat tindakan yang dilakukan oleh pihak sekolah dalam mengerakkan saranan pihak kerajaan. Randy & Riant (2007) menghuraikan bahawa teori pilihan rasional memperlihatkan kepada kita mengenai keberkesanan sesuatu usaha yang dijalankan adalah tertakluk kepada tindakan individu. Hal ini demikian kerana individu itu mempunyai hak dalam menerima, mentafsir dan melaksanakan sesuatu langkah yang dibentuk berdasarkan kepada kehendak dan pemahaman masing-masing. Individu memainkan peranan yang besar serta menjadi penentu kepada keberhasilan sesebuah matlamat.



masyarakat dapat dilahirkan bermula di akar umbi. Sekolah juga dijadikan sebagai medium terbaik dalam merealisasikan hasrat pihak kerajaan dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dalam kalangan masyarakat yang berbilang etnik. Oleh itu, pihak kerajaan telah melaksanakan banyak usaha dan memperkenalkan pelbagai dasar pendidikan yang diterapkan di sekolah melalui kurikulum dan kokurikulum.

Sehubungan dengan hal itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti dengan jelas peranan pendidikan di Malaysia dalam melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan melihat sejauh manakah sistem pendidikan benar-benar berfungsi sebagai satu saluran



terbaik dalam membentuk perpaduan masyarakat berbilang kaum. Teori pilihan rasional digunakan dalam kajian ini bagi memperlihatkan keberkesanan pembentukan perpaduan adalah bergantung pada pilihan individu. Sesungguhnya, individu berhak untuk membuat pemilihan sama ada untuk menerima, melaksana atau membuat tafsiran terhadap sesuatu perkara bergantung pada kemahuan dan kehendak individu itu sendiri.

Mansor Mohd Noor, et. al (2006) menjelaskan bahawa terdapat beberapa orang tokoh iaitu Thomas Sowell (1975), Thomas Schelling (1978) dan Micheal Banton (1997) yang membuat andaian mengenai perhubungan etnik berdasarkan kepada teori pilihan rasional dengan mengatakan bahawa:



05-4506832



a. individu mempunyai matlamat dan kecenderungan yang berbeza



ptbupsi

- b. Individu bertindak untuk memaksimumkan ganjaran material dan kedudukan sosial.
- c. Tingkah laku individu merupakan fungsi sentimen peribadi dan kepercayaan terhadap kelompok sebayanya.
- d. Apabila individu membuat pilihan, maka tindakan pilihan yang lain akan tertutup.
- e. Semasa individu membuat satu pilihan ke atas pilihan tingkah laku yang dibuat, individu berkenaan akan mewujudkan ikatan sosial yang lebih erat dengan individu lain yang terlibat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Teori pilihan rasional mampu memperlihatkan dengan jelas mengenai peranan pendidikan dalam pembentukan perpaduan di sekolah. Setiap individu mempunyai pilihan sama ada untuk menerima atau sebaliknya mengenai usaha kerajaan dalam membentuk perpaduan. Setiap pilihan dilakukan berdasarkan kepada latar belakang budaya dan etnik yang berlainan dan juga kefahaman yang akan mempengaruhi setiap tindakan. Pelajar-pelajar dan juga guru-guru terdiri daripada kumpulan etnik dan latar belakang yang berbeza-beza. Oleh itu, berdasarkan kepada kajian ini, pengetua dan guru-guru berhak membuat pemilihan sama ada mahu menjalankan program atau aktiviti yang berkesan dalam memupuk semangat perpaduan ataupun sebaliknya. Pilihan terbesar juga sebenarnya bergantung pada pelajar itu sendiri sama ada mahu menerima, mengikuti dan mengamalkan usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak sekolah ataupun tidak.



1.7 Definisi Konsep Kajian

Istilah yang dinyatakan di bahagian ini merupakan antara istilah yang akan digunakan sepanjang perbincangan kajian.





1.7.1 Pendidikan

Apabila perkara-perkara berkaitan pendidikan dipersoalkan, maka berbagai-bagai persoalan yang akan timbul mengenai perkara tersebut. Pendidikan menjadi perbualan hangat dan sering menjadi perbincangan masyarakat pada hari ini. Sering kali pendidikan akan dikaitkan dalam permasalahan yang timbul khasnya kejatuhan akhlak dalam kalangan masyarakat. Begitu juga dalam bidang politik yang menjadikan pendidikan sebagai salah satu isu perdebatan. Pelbagai tanggapan dan andaian yang diberikan oleh masyarakat berkaitan pendidikan. Namun, kita sendiri kabur akan maksud sebenar apa itu pendidikan. Pendidikan merupakan pokok utama yang perlu difokuskan sebelum perbincangan mendalam dilakukan mengenai perpaduan.



Menurut Mill (1969) pendidikan merupakan sebuah proses memberikan bantuan sepenuhnya agar sesebuah anggota masyarakat tersebut mampu menikmati kegembiraan dalam kehidupannya. James turut menambah bahawa pendidikan turut merangkumi semua perkara yang dilakukan oleh masyarakat bagi menghindari daripada perkara yang tidak baik. Gurrey (1963) pula mendefinisikan pendidikan sebagai salah satu cara untuk mengeluarkan individu yang memiliki pengetahuan dan kebudayaan yang besar. Ini bermakna pendidikan adalah satu perkara yang perlu diterokai dan diambil dalam konteks ilmu pengetahuan yang luas.





Menurut pandangan daripada Abdul Fatah Hasan (2007) pula, pendidikan merupakan cahaya petunjuk kepada kegelapan serta mampu mengubah sikap individu daripada kejahilan kepada manusia yang berilmu pengetahuan. Pendidikan mampu membantu dan mendorong seseorang itu untuk terus maju ke hadapan, bergerak dan bertindak terhadap sesuatu perkara yang mampu memberikan manfaat terhadap diri sendiri dan masyarakat. Pendidikan merupakan asas kepada kehidupan manusia yang boleh dijadikan sebagai bekalan untuk kehidupan yang masih jauh. Oleh itu, anggota masyarakat perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan agar nikmat kehidupan sebenar dapat dinikmati secara bersama.

Syed Muhammad (dalam Atang Long, 1976) berpandangan bahawa pendidikan merupakan sebuah proses pembentukan manusia secara keseluruhan dan penuh keseimbangan. Beliau turut menegaskan bahawa pendidikan bertujuan untuk memperluaskan lagi potensi dari segi fizikal, intelek, rohani dan emosi manusia ke arah tahap yang lebih sempurna. Melalui pendidikan potensi individu dapat dikembangkan dan diperluaskan dengan lebih mendalam. Manakala, Sharifah Al-Sagoff (1985) pula merumuskan pendidikan sebagai sebuah proses dan aktiviti seperti proses persekolahan formal, latihan, perkembangan fizikal, intelek, emosi dan sosial, indoktrinasi iaitu mempercayai perkara yang disampaikan serta proses berterusan dalam kehidupan. Pendidikan juga merujuk kepada aktiviti yang menyeluruh dalam mencapai sesebuah matlamat untuk memperoleh pengetahuan serta merujuk kepada sebuah seni, sains dan disiplin.





Sidek Baba (2006) menyatakan bahawa pendidikan merupakan isu penting dalam melahirkan dan membentuk modal insan sebagaimana yang dikehendaki oleh masyarakat dan negara. Kualiti sesebuah modal insan menjadi penentu kepada hala tuju sesebuah negara dalam mengharungi arus pembangunan dan pemodenan. Hal ini demikian kerana pendidikan merupakan proses untuk mendidik manusia ke arah jalan yang baik dan benar. Saifuddin (2015) pula mendefinisikan pendidikan sebagai satu usaha yang dilaksanakan bagi melengkapkan individu dengan pengajaran dan bimbingan agar individu tersebut mempunyai kekuatan dari segi keperibadian, keagamaan, berakhhlak mulia serta berketerampilan. Pendidikan bermatlamatkan untuk menyemai ilmu pengetahuan, pendapat, konsep-konsep, pengertian dan membina nilai tingkah laku yang baru dalam kehidupan. Pendidikan dapatlah dikatakan sebagai satu usaha murni dilaksanakan bagi mendidik masyarakat sesuai dengan standard dan pedoman hidup sebagaimana yang diinginkan oleh pemerintah.



Hasil daripada perbincangan dan pandangan tokoh-tokoh, dapatlah disimpulkan bahawa pendidikan merupakan sebuah langkah, pendapat, perilaku dan usaha yang dilakukan yang mampu meningkatkan kebolehan, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang akhirnya memberi kebaikan terhadap kehidupan. Pendidikan dapat memberikan perubahan kepada sesebuah negara sama ada dari segi corak pemerintahan, corak kehidupan masyarakat, ekonomi dan sebagainya. Pendidikan juga mampu melahirkan sebuah masyarakat yang mempunyai nilai akhlak yang tinggi, berilmu pengetahuan, bijaksana serta menjadi pemangkin kepada kecemerlangan dan kegemilangan sesebuah negara.





1.7.2 Perpaduan

Sesungguhnya, bidang pendidikan di negara kita mempunyai hubungan yang erat dalam merealisasikan matlamat kerajaan dalam mencapai wawasan 2020. Pendidikan bukanlah berfungsi dalam memenuhi keperluan hidup semata-mata, malahan berperanan dalam mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Perpaduan dijadikan sebagai batu loncatan bagi memenuhi matlamat Wawasan 2020 untuk mencapai status negara maju serta mampu bersaing setanding dengan negara-negara yang lain.

Menurut Kamaruzzaman (dalam Adnan, 1985), perpaduan merujuk kepada sikap yang ada pada setiap individu yang merangkumi emosi, perasaan, nilai dan sikap. Menerusi sistem persekolahan, para pelajar akan diberikan didikan dan bimbingan untuk melahirkan nilai-nilai yang mampu membawa ke arah perpaduan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kurikulum di sekolah sememangnya mempunyai hubung kait yang rapat dengan perpaduan. Kurikulum bukan sahaja berfungsi sebagai agen penyebar pengetahuan, malahan mampu menghasilkan satu bentuk keperibadian yang baik seterusnya mewujudkan perpaduan.

Ahmad Ali Seman dan Warti (2013) pula berpendapat bahawa perpaduan merupakan satu proses penyatuan yang merangkumi keseluruhan aspek seperti fizikal, ekonomi, sosial dan politik. Namun begitu biologikal tidak termasuk dalam aspek penyatuan tersebut. Hal ini berbeza dengan integrasi yang melibatkan keseluruhan





penyatuan termasuk biologikal. Perkara ini berketalan dengan penyataan daripada Tun Abdul Razak yang menyatakan bahawa integrasi dan perpaduan merupakan sebuah perkara penting yang dapat digunakan ke arah pembangunan dan kemajuan negara berbanding daripada menyelesaikan kekangan yang timbul dalam kepelbagaiannya itu.

Kamus Dewan (1994) pula mendefinisikan perpaduan sebagai pelaburan persesuaian, penggabungan dan kecocokan yang merujuk kepada gabungan yang menjadi satu atau sepakat. Dalam makna yang lain, perpaduan dapatlah dijelaskan sebagai sebuah hubungan erat yang lahir secara sengaja dalam kalangan masyarakat yang berlainan etnik demi mencapai matlamat secara bersama. Perpaduan dapatlah disimpulkan sebagai satu proses untuk menyatupadukan seluruh anggota masyarakat

bagi membentuk sebuah identiti secara bersama serta menyemai perasaan cinta akan negara. Manakala Mohd. Shahir (2016), menyatakan bahawa kata “perpaduan” berasal daripada perkataan “padu” yang bermaksud mampat, padat dan pejal. Perpaduan juga merujuk kepada penggabungan yang akhirnya membentuk persatuan. Lawan bagi perkataan perpaduan ialah perpecahan, permusuhan dan kehancuran. Berhubungan dengan perkara tersebut, perpaduan merupakan satu perkara yang amat dituntut dalam Islam kerana perpaduan merupakan salah satu perkara yang baik.

Ahmad Zaharuddin (2014) menjelaskan bahawa perpaduan menjadi tunjang utama dalam pembentukan negara bangsa khasnya bagi negara yang berdaulat dan baru mencapai kemerdekaan. Tanpa adanya perpaduan, maka sistem pentadbiran





negara menjadi lemah seterusnya menggugat keharmonian negara. Perpaduan merupakan langkah penting yang perlu dilakukan oleh sesebuah negara bagi memperluaskan penyatuan dalam kalangan masyarakat yang berbeza etnik dan ras apabila dengan kewujudan sebuah keinginan untuk bersatu dengan berkongsi ruang yang sama tanpa persengketaan.

Shamsul Amri (2007) menghuraikan perpaduan sebagai sebuah proses permulaan bagi menyatupadukan seluruh anggota masyarakat dan negara agar setiap lapisan masyarakat dapat membentuk sebuah nilai dan identiti secara bersama serta menyemat perasaan kasih, cinta dan berbangga akan negara. Pembentukan nilai-nilai ini dapat melahirkan sifat kasih antara sesama rakyat sekali gus mewujudkan keharmonian dalam kehidupan.



Perpaduan dapat dilihat sebagai sebuah proses penyatuan seluruh anggota masyarakat dan negara dengan harapan agar seluruh anggota masyarakat mampu membentuk sebuah identiti serta nilai secara bersama serta diperkuuhkan lagi dengan perasaan cintakan negara. Penyatuan dan kesepadan sesama masyarakat dapat mengukuhkan pertahanan negara dan menghindari daripada gangguan anasir-anasir yang ingin menggugat ketenteraman negara.





1.7.3 Etnik

Istilah etnik sering sahaja digunakan secara berleluasa di Malaysia. Namun begitu, sebahagian besar daripada kita masih keliru akan makna istilah tersebut. Beberapa orang tokoh telah membincangkan secara mendalam mengenai makna sebenar etnik, antaranya ialah Schermerhon (1970), Rosman dan Kassim (2009), Hamidah et. al (2009), Wan Hashim (2011), Shamsul (2012) dan Ahmad Ali dan Warti (2013).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, etnik merujuk kepada bangsa manusia. Etnik juga tidak memaksa sebarang bentuk perubahan terhadap unsur kepercayaan tentang agama ataupun mengetepikan unsur yang dimiliki oleh sesuatu kaum. Kebiasaannya, kumpulan etnik berasal daripada satu konsep yang disebut keturunan yang merujuk kepada sesebuah generasi kelompok etnik pada hari ini memiliki nenek moyang yang sama serta turun-temurun daripada nenek moyang tersebut.

Menurut Scupin (2003), istilah etnik berasal daripada perkataan Yunani yang disebut ‘ethnos’. ‘Ethnos’ memberi gambaran mengenai orang bukan Yunani tetapi mereka berkongsi beberapa hal dari segi biologi, kebudayaan dan juga cara hidup. Rosman dan Kassim (2009) turut berpendapat bahawa perkataan etnik berasal dari perkataan Yunani iaitu “*ethnos*” yang membawa maksud orang. Menurut beliau lagi, dalam bidang sosiologi etnik bermaksud sekelompok manusia yang mempunyai ciri-ciri persamaan serta beranggapan bahawa dirinya mempunyai persamaan dengan





anggota yang lain sama ada dari segi agama, budaya atau nilai hidup. Manakala perasaan sesebuah kumpulan yang merasakan kumpulan itu berbeza dengan kumpulan manusia yang lain adalah berpunca daripada faktor sosio-budaya yang dikenali sebagai etnisiti.

Sementara itu, Schermerhon (1970) mendefinisikan etnik sebagai perbezaan antara kelompok etnik dapat dilihat daripada beberapa perkara iaitu adat resam, agama, bahasa, pola kekeluargaan, nilai dan bahasa dalam sesebuah etnik. Sikap etnosentrik akan wujud sekiranya ahli yang terdapat di dalam sesebuah kelompok tersebut merasakan ciri-ciri kebudayaan yang mereka miliki adalah hebat, benar dan wajar diamalkan berbanding kelompok etnik yang lain.



sebagai sekelompok atau sekumpulan manusia yang mempunyai persamaan dari segi kebudayaan seperti ras, agama dan asal usul. Manakala kelompok etnik yang sama pula akan mengamalkan persamaan dalam kehidupan seharian dari aspek adat, makanan, pakaian tradisional, bahasa dan sebagainya. Persamaan dan perkongsian aspek tersebut sebenarnya telah membentuk satu identiti tertentu kepada sesebuah etnik. Hal ini telah mewujudkan pembahagian masyarakat kepada kumpulan etnik yang tertentu.

Seterusnya, Wan Hashim (2011) mentakrifkan etnik sebagai sebuah kelompok manusia yang membentuk jati diri bersandarkan kepada persamaan yang tertentu





seperti budaya, sejarah latar belakang, adat resam dan bahasa. Ciri-ciri tersebut telah membezakan sesebuah kumpulan etnik. Sebagai contoh, etnik Melayu, India dan Cina masing-masing mempunyai ciri-ciri yang tertentu berdasarkan kepada etnik masing-masing. Menurut beliau lagi, sekiranya kumpulan etnik tersebut sanggup berkongsi ciri-ciri budaya yang sama serta mampu membentuk sebuah kesatuan sehingga mengutamakan kepentingan bersama daripada kepentingan etnik, maka masyarakat tersebut akan berjaya membentuk satu bangsa.

Manakala Shamsul (2012) menyatakan bahawa perkataan kategori atau kumpulan etnik berfungsi dalam memperlihatkan asas warisan sosiobudaya setiap individu. Ciri-ciri konsep etnik merangkumi adat, budaya, agama, bahasa dan negara asal keturunan mereka. Kumpulan etnik merupakan kumpulan yang memiliki ciri-ciri sosiobudaya tersendiri. Marger (2003) pula berpendapat bahawa etnik merupakan kewujudan sekelompok manusia yang menjadi sebahagian daripada sebuah masyarakat yang besar dengan mengamalkan satu budaya yang seragam. Antara ahli kelompok etnik ini juga, wujudnya rasa kekitaan serta etnosentrik disebabkan oleh perkongsian pertalian darah. Etnik dapatlah disimpulkan sebagai satu kumpulan manusia dengan pengamalan satu budaya yang merangkumi agama, adat resam, bahasa dan budaya yang berasal dari nenek moyang mereka.

Ahmad Ali dan Warti (2013) mentakrifkan etnik sebagai sekumpulan manusia yang mengguna pakai budaya yang hampir sama seperti adat resam, bahasa, pakaian dan kegiatan ekonomi. Pembahagian etnik adalah berdasarkan kepada perbezaan





budaya antara sesebuah etnik dari aspek adat resam, pakaian, keluarga, politik, hiburan, rupa paras dan ekonomi. Antara etnik yang terdapat di Malaysia ialah Melayu, India, Cina, Melanau, Iban, Kadazandusun dan sebagainya.

Penyelidik melihat etnik sebagai kelompok manusia yang mengamalkan budaya yang berbeza-beza. Hubungan etnik merupakan antara aspek terpenting dalam rencah kehidupan manusia. Hal ini berkaitan dengan kewujudan manusia yang diciptakan daripada pelbagai bangsa, kaum dan puak. Kepelbagaian dan perbezaan etnik telah menghasilkan kepelbagaian antara budaya yang membawa kepada keunikan pelbagai corak kehidupan masyarakat.



Sekolah ialah pusat pembelajaran yang penting dalam melahirkan insan yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Dalam konteks ini, guru merupakan jentera utama dalam mewujudkan keseimbangan kurikulum dan kokurikulum bagi melahirkan pelajar yang cemerlang sama ada dari segi akademik maupun sahsiah.

Menurut Yohanes (2013), sekolah ialah sebuah sistem pendidikan formal yang merupakan sebuah pusat berlakunya proses belajar-mengajar yang menjadi harapan kepada seluruh lapisan masyarakat dan negara disebabkan oleh fungsi sekolah yang





menyediakan pendidikan, pengajaran dan latihan dalam menimba ilmu pengetahuan, keterampilan dan nilai. Sekolah juga berperanan dalam menjalankan penyelenggaraan dalam setiap proses pendidikan yang berlaku. Proses tersebut dilaksanakan secara tertib, sistematik dan telus sehingga mampu melahirkan masyarakat yang terlatih dan terdidik.

Abdul Shukor (2004) berpendapat bahawa sekolah merupakan pusat pendidikan formal yang telah melalui proses perubahan dan perkembangan. Pada hari ini peranan sekolah bukan hanya berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan asas pedagogi atau mencapai objektif dalam melahirkan insan yang cemerlang dari segi sahsiah dan akademik semata-mata. Malah, pihak sekolah berserta kakitangan yang terlibat bertanggungjawab untuk melahirkan pelajar-pelajar yang dipersiapkan dengan



A.A Ketut Jelantik (2015) menyatakan bahawa sekolah merupakan tempat sosial masyarakat yang memperlihatkan persamaan antara kehidupan harian dan sekolah. Sekolah merupakan tempat terjadinya proses membentuk insan yang cemerlang. Sekolah mempunyai fungsi-fungsi tertentu dari segi beberapa aspek seperti penyadaran, progresif dan pengantaraan. Penyadaran merujuk kepada tanggungjawab sekolah dalam memelihara nilai-nilai budaya yang ada. Ini kerana sekolah berperanan dalam menyemai kesedaran akan pentingnya sikap sopan santun, bermoral dan beradab. Sekolah juga dijadikan sebagai wahana kepada pembinaan jati diri masyarakat.





Yusran Pora (2004) menghuraikan bahawa perkataan sekolah berasal daripada bahasa Latin iaitu “*skole, scola, scolae dan schola*” yang membawa erti waktu lapang. Walau bagaimanapun, pengertian tersebut telah disalahertikan. Ini kerana waktu lapang merujuk kepada individu yang tidak memiliki sebarang aktiviti sehingga boleh menonton televisyen, bersiar-siar, berbual dan sebagainya. Bagi memahami maksud sebenar waktu lapang, maka Krishnamurti (dalam Yusran Pora, 2004) menerangkan bahawa waktu lapang merujuk kepada waktu yang tidak terbatas untuk diamati. Sekolah bukan hanya tempat untuk memperoleh ilmu pengetahuan atau memperoleh maklumat, malah sebagai petunjuk kepada para guru dan pelajar untuk menghayati kejadian yang berlaku di sekeliling serta menghayati akan diri sendiri.

Oleh itu, dalam kajian ini sekolah dapat dilabelkan sebagai sebuah lembaga bagi sistem pendidikan formal yang menjadi tumpuan setiap lapisan anggota masyarakat disebabkan oleh fungsi sekolah yang menyediakan sumber pendidikan, pelatihan dan pengajaran untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Sekolah juga dapat dikelaskan sebagai pusat pembentukan budaya ilmu serta pembinaan negara bangsa yang dapat dihayati dengan mudah sekali sekalipun sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran tidak dijadikan sebagai sebuah paksaan atau pilihan.





1.8 Kepentingan Kajian

Perpaduan merupakan tunjang utama kepada kejayaan dan pembentukan sesebuah negara. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah peranan pendidikan mampu membentuk perpaduan di sekolah. Pemupukan perpaduan harus disemai bermula di peringkat akar umbi agar penerapan nilai-nilai murni yang disebarluaskan dapat tersemat dengan kukuh di sanubari setiap individu. Pembentukan perpaduan dalam kalangan pelajar dapat dicapai sepenuhnya dengan melalui usaha-usaha daripada pihak-pihak bertanggungjawab serta peranan daripada seluruh anggota masyarakat.

Masalah perpaduan kaum merupakan isu terbesar yang menjadi penghalang kepada pembentukan bangsa Malaysia. Perpaduan negara sering kali diuji dengan isu-isu yang menyentuh sensitiviti kaum seperti soal agama, kerakyatan dan perkara-perkara lain yang mampu merobek perpaduan kaum di negara ini. Masalah sebegini sering sahaja dimainkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang terdiri daripada badan bukan kerajaan yang ingin menaikkan nama mereka semata-mata bagi memperoleh sokongan menjelang pilihan raya yang akan datang. Kesedaran dan pemupukan perpaduan kaum perlu disemai di peringkat sekolah agar dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Masalah ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang penyelesaian kerana ia mampu menjadi pemusnah kepada pembentukan negara.





Berbanding dengan kajian-kajian terdahulu, kajian ini tidak hanya memfokuskan kepada punca permasalahan dan tahap interaksi semata-mata. Tetapi kajian ini ingin memperlihatkan bagaimana pendidikan dapat berfungsi dalam memupuk perpaduan kaum dalam kalangan pelajar di sekolah. Kajian juga ingin meneliti adakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memupuk perpaduan di sekolah melalui pelbagai dasar dan langkah-langkah tersebut berjaya meninggalkan kesan yang baik terhadap kehidupan sehari-hari para pelajar. Usaha-usaha yang sedia ada dapat dilihat melalui aspek penerapan kurikulum dan kokurikulum, sukan, RIMUP serta langkah lain yang diperkenalkan oleh pihak sekolah dalam menerapkan jati diri dan memupuk semangat cintakan negara dalam kalangan pelajar. Kajian ini juga ingin meneliti tentang pembaharuan ataupun penambahbaikan yang telah dilakukan oleh pihak sekolah.



Sistem pendidikan merupakan wadah terbaik dalam pemupukan perpaduan kaum. Oleh itu, kajian ini difokuskan ke atas pelajar-pelajar sekolah yang dilihat sebagai medan permulaan terbaik dalam mewujudkan keharmonian dan persefahaman kaum. Hasil dapatan kajian dapat dinilai di akhir kajian ini yang akan memperlihatkan sejauh manakah kewujudan unsur-unsur perpaduan dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian ini dapat menjawab persoalan-persoalan mengenai keberhasilan usaha yang telah dilaksanakan serta penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi memantapkan lagi usaha yang sedia ada.





Kajian ini penting kepada bidang pendidikan kerana ia membawa kepentingan kepada para guru, pelajar dan pihak Kementerian Pendidikan. Kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada para guru di sekolah dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik. Dapatkan kajian ini dapat membantu mereka untuk membuat penilaian semula ke atas pengajaran yang telah dilaksanakan. Hal ini membolehkan para guru memperbaiki setiap kelemahan yang ada serta mengenal pasti tahap perpaduan yang berjaya disemai dalam kalangan pelajar. Perkara ini secara tidak langsung dapat memudahkan urusan pentadbir sekolah dalam penyusunan semula strategi dan usaha lain dalam memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar. Hasil kajian juga akan memberikan manfaat kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khasnya dalam meneliti silibus yang sesuai digunakan mengikut keadaan semasa. Informasi yang berguna ini akan memudahkan

penyusunan semula dasar-dasar sedia ada bagi mengukuhkan lagi perpaduan di sekolah.

Selain itu, kajian ini penting kepada bidang sosiologi kerana pendekatan yang digunakan dalam sistem pendidikan dapat diselaraskan dengan pendekatan sosiologi. Perkara ini juga memudahkan tokoh-tokoh dan ahli sosiologi untuk membuat penganalisan dalam sesebuah masyarakat bagi membentuk program sebuah pendidikan yang lebih mantap. Keseragaman antara bidang pendidikan dan bidang sosiologi dapat memperluaskan lagi setiap bidang kajian yang dijalankan. Pendekatan yang terdapat dalam bidang sosiologi membantu para pendidik dan pentadbir untuk melaksanakan usaha mereka dengan lebih baik terhadap sesuatu perkara. Pengkaji





juga merasakan bahawa masih banyak lagi sudut dan aspek yang belum diterokai dengan mendalam oleh kajian-kajian sebelum ini. Salah satunya ialah penggunaan teori yang berbeza sebagai usaha dalam membentuk perpaduan kaum.

Kajian-kajian ini amat berguna kerana dapat dijadikan sebagai sumber rujukan tambahan kepada masyarakat mengenai pembentukan perpaduan di Malaysia. Hasil kajian diharap dapat memberikan gambaran dan maklumat awal mengenai pembentukan perpaduan dalam kalangan masyarakat menerusi sistem persekolahan. Pada masa yang sama diharapkan agar dapat memupuk kesedaran dan mampu meningkatkan semangat jati diri dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum agar keharmonian dapat dicapai secara bersama. Kajian juga diharapkan agar dapat memberikan informasi berguna terutama kepada pihak kerajaan dalam memperkenalkan polisi serta dasar-dasar baru dalam meningkatkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat serta cintakan keamanan tanpa perasaan syak wasangka antara satu sama lain.

1.9 Penutup

Dapatlah diringkaskan bahawa kajian ini dijalankan bagi meneliti peranan sistem pendidikan dalam membentuk perpaduan pelajar melalui sistem persekolahan. Pada waktu yang sama juga pengkaji dapat merungkai faktor-faktor penghalang dalam pembentukan matlamat sebagaimana yang disarankan oleh pihak kerajaan. Melalui





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

40

hasil dapatan yang diperoleh akan memudahkan pengkaji dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku serta memikirkan strategi yang bernalas bagi memperbaiki segala kelemahan yang ada. Pengkaji juga mengaitkan teori fungsionalisme dan teori pilihan rasional dalam pembentukan perpaduan masyarakat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi